

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(XIV)9

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS
YB. LEE CHUN KIT**

9. Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk mengambil tindakan yang lebih tegas terhadap kontraktor-kontraktor yang tidak dapat melaksanakan apa yang dijanji dalam proses tender Kerajaan Negeri?

JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI

9. Pada masa ini, mana-mana pembekal/ kontraktor/ firma perunding yang melakukan sebarang ketidakpatuhan dalam urusan perolehan Kerajaan Negeri boleh dikenakan tindakan/ hukuman tatatertib selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan PK8: Ketidakpatuhan Dalam Perolehan Kerajaan seperti berikut:

- (a) Surat amaran.
- (b) Batal kod bidang.
- (c) Gantung pendaftaran.
- (d) Batal pendaftaran.
- (e) Pemilik modal/ ahli Lembaga Pengarah bagi syarikat/ firma perunding disenaraihitamkan.
- (f) Pembatalan taraf Bumiputera/pembuat.

Kesalahan-kesalahan atau keputusan tindakan tatatertib yang dikenakan ke atas pembekal/ kontraktor/ firma perunding juga akan dilaporkan kepada Kementerian Kewangan atau Lembaga Profesional yang berkaitan atau badan kawalan yang diiktiraf bagi

membolehkan tindakan selanjutnya diambil oleh pihak Kementerian Kewangan atau Lembaga Profesional yang berkaitan atau badan kawalan yang diiktiraf.